

02 MAR 2003

Sabah-Penggiliran (Analisis Berita Bergambar)
SABAH SEKALI LAGI AKAN BERTUKAR PEMIMPIN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Sabah akan mempunyai ketua menteri baru lewat bulan ini apabila Datuk Chong Kah Kiat berundur selepas menyempurnakan gilirannya mentadbir negeri itu selama dua tahun.

Chong tidak lama lagi akan menyertai senarai yang semakin panjang bekas ketua menteri dalam sebuah negeri yang sejak sembilan tahun lepas mengamalkan satu sistem penggiliran bagi jawatan ketua eksekutifnya, satu-satunya yang diamalkan di dunia ini.

Beliau merupakan yang keenam dalam senarai itu, berbeza sekali dengan situasi sebelum sistem penggiliran itu diperkenalkan pada 1994 yang menyaksikan hanya empat ketua menteri sahaja menerajui negeri bagi 27 tahun.

Kecuali tempoh singkat kurang dari setahun pada 1975-76 apabila Tan Sri (kemudian Tun) Said Keruak merupakan ketua menteri, tiga lagi, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Datuk Harris Salleh dan Datuk Joseph Pairin Kitingan, berada di persada pimpinan masing-masing selama hampir sembilan tahun.

Semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencetuskan idea menggilirkan jawatan itu di kalangan pemimpin Barisan Nasional negeri pada pilihan raya negeri 1994, ia bertujuan mengurangkan atau "melemahkan" kuasa yang dilihat begitu banyak di tangan seorang ketua menteri dalam sebuah negeri yang ketika itu politiknya sentiasa bergolak.

Kuasa dan pengaruh Mustapha, Harris dan Pairin yang digunakan di negeri itu semasa pimpinan mereka memang terkenal dan sudah menjadi sebahagian daripada sejarah politik Malaysia.

Sabah sejak merdeka dalam persekutuan Malaysia pada 1963 menerusi era 1970an dan hingga awal 1990an lebih dikenali dengan politik di bawah naungan apabila nakhoda politik itu secara sendirinya menjadi begitu berkuasa.

Politik naungan yang berkisar terhadap balak, sumber asli utama negara itu mewujudkan fenomena kebanyakan orang yang ternama di Sabah terdiri sama ada daripada ahli politik atau hartawan balak, atau kedua-duanya.

Oleh itu ia merupakan satu kejutan budaya kepada negeri yang digelar "Negeri Di bawah Bayu" ini apabila sistem penggiliran itu hampir mengurangkan kuasa ketua menteri.

Tetapi enam ketua menteri dan sembilan tahun kemudian, adakah sistem penggiliran ini mencapai objektifnya bagi perkongsian kuasa yang seimbang dan membawa kestabilan politik kepada sebuah negeri yang pertaruhan politikya berliku-liku sama seperti trek aktiviti pembalakkannya.

"Jika maksud konsep perkongsian kuasa yang saksama itu terhad kepada akses terhadap jawatan ketua menteri, maka saya boleh katakan objektifnya telahpun jauh dicapai," kata Dr Yaakub Johari, Pengarah Eksekutif Institut Kajian Pembangunan (IDS), kumpulan bijak pandai kerajaan neegri.

Beliau berkata malahan pemimpin parti kominen BN secara sendirinya yang tidak mampu membentuk sebuah kerajaan, juga diberikan peluang menjadi ketua menteri.

"Dalam perkara ini, parti-parti lebih kecil yang mewakili kumpulan kecil penduduk diberikan keistimewaan yang lebih, sehingga menjejaskan kaum majoriti. Sistem itu boleh dilihat sebagai memberikan kesamaan lebih besar kepada kumpulan lebih kecil dalam satu cara yang tidakseimbang," kata Yaakob kepada Bernama.

Umno, tulang belakang BN negeri mempunyai 26 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri, sekali ganda berbanding PBS, United Pasokmomogun

Kadazandusun Murut Organisation (UPKO) dan Parti Maju Sabah (SPP) masing-masing tiga, Parti Demokratik Liberal yang diketuai Chong mempunyai dua kerusi dan seorang bebas.

Tetapi Datuk Dr Maximus Ongkili, Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyertai semula BN setahun yang lepas, setelah berada di luar selama 12 tahun, berkata sistem penggiliran jawatan ketua menteri itu tidak menambahbaikkan perkongsian kuasa kecuali konsep perkongsian kuasa didefinisikan hanya sebagai berkongsi jawatan tertinggi "yang merupakan satu langkah terlalu tidak realistik."

Tetapi kedua-duanya bersetuju bahawa sistem itu telah membawa kepada kestabilan politik Sabah, yang telah melihat kejatuhan parti-parti yang baru ditubuhkan. Kes klasik ialah pada 1976 apabila PBS yang dibentuk hanya dua bulan sebelum itu, menumbangkan kerajaan Berjaya yang berusia sembilan tahun, yang diketuai Harris.

"Tidak diragui lagi bahawa sistem penggiliran telah membawa kepada kestabilan politik. Juga terdapat pandangan berbeza di kalangan parti komponen tetapi sistem itu telah memastikan tiada pendapat yang menimbulkan perbalahan terutama di kalangan mereka yang berfikiran terlalu teliti atau sempit yang telah menguasai atau meresapi proses urustadbir," kata Dr Yaakob.

Pada pandangannya, sistem itu dilihat menekankan semula proses membuat keputusan sepakat dan meningkatkan kestabilan politik. Sebelum ini ketidakstabilan politik tercetus apabila kumpulan tertentu merasakan terpinggir daripada arus perdana.

Dr Maximus, yang merupakan anggota parlimen dan dewan undangan negeri, memberitahu Bernama: "Kestabilan politik diukur dari segi kekuatan politik dan penguasaan kerajaan dalam dewan undangan negeri dan parlimen. Sebuah kerajaan yang kuat dan bersatu membawa kepada kestabilan pentadbiran."

Dr Yaakub berkata sementara ketua-ketua menteri terdahulu mempunyai kuasa amat besar dalam mentadbir negeri, di bawah sistem penggiliran, kurang kemungkinan kuasa dimonopoli atau terlalu tertumpu.

Dan menurut Dr Yaakub, balak tidak lagi menjadi muslihat paling berkesan bagi pihak yang berkuasa negeri itu, jauh berbeza pada era Mustapha, Harris dan Pairin.

Seperti kata beliau: "Balak tidak lagi merupakan faktor berpengaruh seperti dulu, pertamanya, sumber balak negeri itu sudah berkurangan. Kedua, kualiti gantian balak seperti pokok getah dan tanaman lain telah bertambah baik, terima kasih kepada penyelidikan yang agresif.

"Ketiga terdapat peningkatan pengiktirafan terhadap perlunya bagi pemuliharaan umpamanya untuk rekreasi, pemuliharaan bagi sumber genetik sebagai sink karbon dan banyak lagi."

Tetapi tidak diragui dalam pemikiran Dr Yaakub dan Dr Maximus mengenai keburukan sistem penggiliran dua tahun itu seperti ia telah sering menyebabkan gangguan dalam proses pentadbiran dan kurangnya kesinambungan dalam perancangan jangka panjang.

Seorang ketua menteri baru biasanya membawa bersama satu kumpulan pegawai dan pembantu politik serta stail bekerja baru dan pastinya ia mengambil masa bagi fungsi kerajaan untuk menyesuaikan kepada pelantikan dan stail bekerja yang baru, kata Dr Yaakub.

"Apabila tiba masanya ketua menteri yang ada genap tempoh perkhidmatannya, akan wujud suasana ketidaktentuan dalam jentera kerajaan. Dalam kes tertentu keputusan penting mungkin akan ditangguhkan, sementara menunggu terhadap penyelesaian ketidaktentuan itu," katanya.

Beliau berkata perancangan jangka panjang memerlukan sebuah pasukan pembuat keputusan dan pegawai yang berdedikasi di bawah kepimpinan ketua menteri, dan pertukaran kerap ketua menteri jelas akan menjejaskan cara keutamaan ditentukan.

Dr Yaakub berkata penyesuaian yang kerap dilakukan dalam keutamaan kerajaan juga boleh mengelirukan penyertaan sektor swasta terutama dalam bidang yang kerajaan dijangka menentukan arahnya.

"Akan berlaku banyak kempen melobi dan taktik di kalangan puak yang berminat pada akhir setiap penggal dua tahun ini dan banyak masa yang terbuang dan banyak ketidaktentuan di kalangan pelabur," kata Dr Maximus.

Ini kata Dr Maximus, juga menjadi gangguan kepada perkhidmatan awam yang membawa kepada perbelanjaan yang keterlaluan kerana masing-masing ketua eksekutif cuba "untuk menandingi yang lain dari segi cuba melakukan sesuatu yang berguna," biasanya projek pembangunan yang tidak tertakluk di bawah bajet.

Kedua-duanya bersetuju bahawa penggal lima tahun mungkin paling ideal.

"Pelan pembangunan negara misalnya dirancang bagi lima tahun, penggal dua tahun pastinya terlalu singkat bagi pemimpin parti untuk melaksanakan satu pelan pembangunan ekonomi yang bermakna," kata Dr Yaakub.

Chong, penyandang ketua menteri kini, mendedahkan baru-baru ini bahawa Sabah dibebani hutang lebih daripada RM1 bilion "hanya kerana ia telah membelanjakan jumlah yang tidak dimilikinya."

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed memberitahu satu seminar di Kota Kinabalu awal minggu ini bahawa Sabah dari segi kewangan, yang satu ketika dulu sebuah negeri yang kaya, "telah sampai pada peringkat yang tidak boleh ditarik balik."

Chong berkata: "Saya telah berjaya menyedarkan tentang kuasa tuhan terhadap mereka yang mempunyai hasrat jahat dan agenda tidak jujur," merujuk kepada pembaziran melampau agensi kerajaan yang pretasi mereka "lubang hitam" -- apa jua wang yang diperuntukkan kerajaan, hilang tanpa memberikan hasil.

Tetapi katanya perang kerajaan terhadap pembaziran telah berjaya melalui pengurusan berhemah dan mendapatkan relief penting daripada beban hutang awam yang besar.

Dr Yaakub dan Dr Maximus juga ditanya mengenai kemungkinan ketua menteri yang akan datang, yang akan dipilih dari Umno, dilantik dari kalangan mereka yang telah memegang jawatan itu.

Dr Yaakub berkata beliau percaya telah berlaku beberapa "perbincangan tidak rasmi" mengenainya, sementara Dr Maximus berkata dengan mempunyai terlalu ramai bekas ketua menteri juga membebankan pembayar cukai.

Ini disebabkan perbelanjaan kewangan yang lebih tinggi dari segi pencen dan faedah, serta kos perubahan dalam pentadbiran.

"Ia boleh dianggap tidak konsisten dengan idea perkongsian kuasa dan memberikan orang lain peluang, tetapi pada masa yang sama sayang sekali bagi seseorang yang telah melakukan tugas yang baik diberi hanya dua tahun untuk berkhidmat dalam kapasiti itu," kata Dr Maximus.

"Saya fikir idea itu baik dan boleh dipertimbangkan," Dr Yaakub.

-- BERNAMA

AU AU RON